

14/03/1997

Hotel sertai kempen hijau

HIJAU ... Selaras Kempen Menanam Pokok yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin lalu, sebuah hotel di ibu negara mengambil inisiatif menghijaukan persekitaran premis mereka, mulai semalam.

Kakitangan pengurusan Hotel Forum Fairlane di Jalan Walter Grenier, Kuala Lumpur, dengan diketuai Pengurus Residennya, Clemens Faber, menanam sebatang pokok jenis 'Merawan Siput Jantan' di pekarangan hotel berkenaan pagi semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Faber berkata usaha menanam pokok di pekarangan hotel itu adalah sebahagian daripada reaksi awal pengurusan hotel untuk menjayakan kempen yang sedang dijalankan di peringkat nasional.

"Usaha menanam pokok juga diharap dapat mewujudkan keseimbangan di antara proses pembangunan yang pesat dan keperluan menghijaukan kawasan perbandaran," katanya.

Menurutnya, usaha menanam pokok oleh pihak pengurusan hotel berkenaan akan diteruskan dari semasa ke semasa.

(END)